

PENDEKATAN ISLAM HADHARI KE ARAH MEMPERKASAKAN IDENTITI MELAYU-MUSLIM DI MALAYSIA

(Islam Hadhari Approach Towards the Empowerment of Malay-Muslim Identity in Malaysia)

JAFFARY AWANG*

Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Islam Hadhari merupakan satu gagasan yang dikemukakan dalam usaha untuk memajukan masyarakat. Isu yang berkait rapat dengan Melayu adalah aspek pengukuhan identiti Melayu Muslim. Cabaran semasa yang dihadapi masyarakat Malaysia memerlukan kepada pengukuhan aspek nilai khususnya di kalangan masyarakat Melayu. Artikel ini akan membincangkan Islam dan Melayu serta hubungannya dengan arus kebangkitan Islam dan pasca kebangkitan Islam. Disusuli dengan wacana identiti Melayu Islam yang sering menjadi topik perba-hasan di kalangan intelektual Melayu Islam. Seterusnya hubungan Pendekatan Islam Hadhari dalam konteks pembinaan masyarakat Melayu semasa. Perbin-cangan merumuskan bahawa Pendekatan Islam Hadhari perlu dimantapkan agar perancangan berjaya mempertingkatkan tahap kefahaman Islam di kalangan masyarakat keseluruhannya.

Kata Kunci: *Islam Hadhari, Melayu Muslim, Identiti Melayu.*

ABSTRACT

Islam Hadhari is a concept which is proposed purposely to develop the society. The issue closely related with the Malays is the aspect of strengthening the identity of Malay Muslims. In order to face current challenges there is the need for strong values among all Malaysians, especially the Malays. This article will discuss Islam and Malays in relation with the past and the post Islamic resurgence. Furthermore, it will discuss the Malay identity issue which is hotly debated among the Malay Muslims intellectuals. This follows with the discussion on the relationship

*Corresponding Author :Jaffary Awang, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia E-mel: jaffaryawang@hotmail.com

Diterahan: 10 Januari 2009

Diterima: 29 Mac 2009

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2009-0101-05>

between Islam Hadhari and the development of the current Malay society. This article concludes that the concept of Islam Hadhari must be strengthened in order to improve the understanding of Islam amongs all Malaysians.

Keywords: Civilizational Islam, Malay Muslims, Malay Identity.

PENDAHULUAN

Memperkasa nilai-nilai Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu merupakan agenda yang berterusan. Semenjak sebelum Merdeka hingga sekarang Islam menjadi topik perbahasan utama dalam kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia. Dalam konteks semasa, Pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan oleh pihak pemerintah atas maksud untuk membawa perubahan bukan sahaja kepada umat Islam tetapi juga masyarakat bukan Islam di Malaysia. Tumpuan pendekatan ini adalah meliputi aspek luaran mahupun aspek dalaman.

Artikel ini membincangkan aspek-aspek Pendekatan Islam Hadhari seperti yang diwar-warkan oleh pelbagai pihak baik pemerintah, orang awam mahupun pengkaji sosial. Perbincangan ini akan mengimbau secara ringkas persoalan Islam dan hubungannya dalam konteks pembinaan identiti Melayu. Untuk itu bahagian ini turut membincangkan beberapa polisi kerajaan yang menyentuh secara langsung hubungannya dengan Islam di kalangan masyarakat Melayu seperti program penerapan nilai-nilai Islam yang telah diumumkan pada tahun 1984. (Utusan Melayu Okt. 26 dan 27). Seterusnya artikel ini membincangkan hubungan kemelut Melayu hingga tercetusnya Pendekatan Islam Hadhari yang mempunyai kaitan dengan aspek politik dan kemajuan umat Melayu. Artikel ini turut mem-bincangkan beberapa pandangan pihak yang menyokong mahupun yang tidak bersetuju atau pun yang mempersoalkan kewajaran pengenalan gagasan ini. Ba-hagian ketiga artikel ini menganalisis beberapa cabaran yang sedang dan akan dihadapi dalam meningkatkan jati diri umat Melayu-Islam.

ISLAM DI MALAYSIA

Perbincangan mengenai Islam di Malaysia ternyata menarik minat para pengkaji baik dalam bidang sains politik (Means 1969; Kessler 1980), sosio-budaya (Banks 1976; Regan 1991), Melayu Muslim (Hussin Mutalib 1994), ekonomi (Norhashimah Mohd. Yasin 1994) mahupun isu-isu kenegaraan (Nagata 1984; Milne 1993). Kecenderungan para pengkaji ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Malaysia adalah dinamik dengan maksud adanya perubahan. Suasana ini pula turut didorong dengan polisi kerajaan yang berusaha mempertingkatkan pembangunan dan kefahaman Islam di kalangan masyarakat Islam mahupun bukan Islam. Sementara dalam konteks meningkatkan penghayatan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran umpamanya, pihak kerajaan telah memperkenalkan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan yang terkini pengenalan program Islam Hadhari yang dilihat sebagai satu orientasi menjurus

kepada pembangunan umat Islam dan negara.

Dalam konteks perbincangan mengenai Pendekatan Islam Hadhari dan hubungannya dengan persoalan pembinaan identiti Melayu-Islam, ada baiknya dibincang sepantas lalu pengaruh kebangkitan Islam di Malaysia. Ini kerana tidak dapat dinafikan, gelombang kebangkitan Islam yang berlaku di kalangan umat Islam telah memberi kesan terhadap tahap kefahaman dan penghayatan Islam di Malaysia. Umpamanya corak pemakaian di kalangan pendokong kebangkitan Islam yang memakai pakaian yang menutup aurat khususnya bagi wanita, menjadi fenomena baru di Malaysia pada era kebangkitan Islam (Ackerman & Lee 1990). Penolakan terhadap muzik-muzik Barat yang dianggap sebagai bertentangan dengan nilai-nilai Islam antara manifestasi kesedaran Islam. Ini diikuti dengan peningkatan perniagaan yang bermatlamat untuk menyebarkan mesej Islam dan nilai-nilai kehidupan, seperti melalui penjualan kaset-kaset baik nasyid mahupun ceramah-ceramah yang disampaikan oleh penceramah-penceramah semasa, di samping majalah-majalah atau akhbar-akhbar yang mengandungi berita-berita dan hal ehwal perkembangan Islam semasa. Kesedaran Islam juga menjadikan para pendokong dan masyarakat Islam umumnya lebih peka terhadap soal makanan halal. Seterusnya kebangkitan Islam menjadikan masyarakat Islam lebih bersifat kritikal terhadap persoalan kehidupan berdasarkan sistem Islam baik dalam aspek ekonomi, politik atau pendidikan (Chandra Muzaffar 1986).

Sungguhpun begitu dari aspek etimologi, kelihatan para pengkaji fenomena kebangkitan Islam berbeza pendapat berhubung dengan penggunaan istilah yang sesuai bagi menggambarkan fenomena kesedaran dan kebangkitan Islam di kalangan masyarakat Islam. Ada yang merujuk kepada “*revivalism*” dan ada yang mengguna istilah “*reassertion*”. Perkataan “*revivalism*” dikatakan merujuk kepada satu proses untuk kembali kepada masa lalu (Chandra Muzaffar 1986). Dalam pemilihan istilah bagi menggambarkan fenomena tersebut, Chandra Muzaffar cenderung kepada perkataan “*resurgence*”. Beliau mengemukakan tiga alasan iaitu, pertama, perkataan “*resurgence*” memberi gambaran kesedaran yang lahir daripada kalangan masyarakat Islam sendiri. Kedua, fenomena tersebut bukannya sesuatu yang baru tetapi ia adalah sesuatu yang pernah berlaku dan peristiwa kebangkitan Islam semasa dianggap sebagai satu kesinambungan. Ketiga, perkataan tersebut mengandungi nilai-nilai yang bersifat cabaran dan tidak keterlaluan juga memberi impak ancaman pada kalangan yang melihat dari sudut yang berbeza (Chandra Muzaffar 1986; Chaiwat 2005). Ini kerana kesannya berlaku kepada semua aspek kehidupan, khususnya di Malaysia seperti pendidikan, ekonomi, perundangan mahupun sosial. Oleh yang demikianlah juga terdapat pengkaji berkaitan dengan gelombang kebangkitan Islam mengkategorikan beberapa peringkat yang dapat diringkaskan seperti berikut:

- i. Gelombang pertama yang menjurus kepada peningkatan kesedaran di kalangan masyarakat Islam. Ini berlaku bukan sahaja di Malaysia malah

turut berlaku di Iran, Sudan juga Pakistan dan lain-lain negara umat Islam.

- ii. Gelombang kedua merujuk kepada bentuk pengisian kepada program Islamisasi yang juga berlaku di beberapa buah negara termasuk di Malaysia (Chandra Muzaffar 1986).
- iii. Gelombang ketiga boleh dianggap kepada proses pemantapan segala program yang dirancang dalam konteks Islamisasi baik dalam aspek ekonomi, pendidikan, politik juga sosial.
- iv. Gelombang keempat yang merujuk kepada cabaran-cabaran yang sedang berlaku di kalangan negara umat Islam yang memerlukan kepada penyelesaian yang konkrit. Isu-isu seperti globalisasi, kedudukan wanita, ketidakstabilan politik di negara umat Islam, kedudukan ekonomi dan lain-lain lagi merupakan bentuk hambatan kepada kemajuan “pasca kebangkitan Islam”.

Jika faktor-faktor ini diambil kira, maka kemungkinan masyarakat Islam Malaysia perlu lebih bersedia dari aspek keilmuan, mental dan spiritual bagi memastikan agar lonjakan “pasca kebangkitan Islam” itu terus bergema dan terjelma dalam bentuk-bentuk yang lebih konkrit. Dalam konteks Malaysia, tonggak kemantapan sistem Islam banyak bergantung pada sejauhmana keupayaan masyarakat Melayu-Islam memperlengkap diri untuk menjadi pemangkin kepada proses pengisian agenda Islam tersebut.

Islam dan Masyarakat Melayu Malaysia

Dalam konteks Malaysia, Islam dan etnik Melayu mempunyai hubungan yang erat. Ini diakui oleh kebanyakan sarjana yang mengkaji pengamalan dan penghayatan nilai-nilai Islam di kalangan masyarakat Melayu Malaysia. Keunikan Malaysia yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat tidak menjelaskan pemupukan dan pemerksaan nilai-nilai Islam dalam semua bidang kehidupan khususnya terhadap umat Islam. Terdapat pengkaji sosial yang mendakwa bahawa proses pemerksaan Islam di kalangan masyarakat Melayu telah berlaku semenjak kemerdekaan 1957. Malah lebih awal dari itu, iaitu apabila Islam mula dianuti oleh kalangan masyarakat Melayu.

Wacana Islam Hadhari di Malaysia kini bolehlah dianggap sebagai sebahagian daripada persoalan berkaitan dengan pembinaan masyarakat Melayu khususnya dan masyarakat Islam secara umumnya. Walaupun tidak dinafikan bahawa kemunculan idea ini adalah bermula daripada persaingan politik Melayu iaitu antara UMNO dan PAS. Namun dalam konteks perbincangan ini, tumpuannya

adalah berkaitan dengan sejauhmana isu ini dirujuk kepada pembinaan identiti Melayu-Muslim di Malaysia. Ini kerana perbincangan mengenai kedudukan masyarakat Melayu dalam menghadapi perubahan-perubahan semasa sentiasa mendapat perhatian tokoh-tokoh sarjana tempatan. Pelbagai pandangan dan analisis diketengahkan samada dari perspektif politik, ekonomi, pendidikan mahupun yang berkait langsung dengan nilai keagamaan. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa setiap aspek perbincangan yang berkait dengan Melayu, elemen Islam sentiasa mendapat perhatian dan pertimbangan yang kuat. Justeru Melayu dan Islam merupakan dua perkara yang tidak dapat dipisahkan dalam konteks di Malaysia.

Untuk itu dalam artikel ini, perbincangan dimulai dengan menghimbau persoalan identiti Melayu Islam yang sering mendapat tumpuan dan perhatian dari kalangan sarjana tempatan. Pendedahan ini penting dari sudut untuk melihat sejauh mana kesinambungan idea berhubung dengan perdebatan mengenai identiti Melayu-Islam di Malaysia. Seterusnya perbincangan difokuskan berkenaan tema-tema utama yang menjadi tumpuan pengkaji sosial mengenai Melayu mahupun yang berkait langsung dengan persoalan Pendekatan Islam Hadhari. Dengan itu bahagian ini cuba mendedahkan secara saksama antara pandangan yang pro maupun yang kontra. Tidak dapat tidak, sedikit sebanyak elemen persaingan politik antara UMNO dan PAS perlu disinggung bagi mendapat senario sebenar tentang persoalan Hadhari. Sementara bahagian terakhir dan ketiga adalah menyentuh berhubung sejauh mana Pendekatan Islam Hadhari memenuhi serta dapat mendokong ke arah memperkuatkan identiti Melayu di Malaysia.

Perdebatan Persoalan Identiti Melayu di kalangan Sarjana Melayu

Sebelum membincangkan isu Pendekatan Islam Hadhari dalam konteks pembinaan identiti Melayu, artikel ini akan menyorot sepantas lalu persoalan identiti Melayu yang pernah dikemukakan oleh sarjana di Malaysia. Beberapa orang tokoh akan dikemukakan secara umum bagi meneliti senario tumpuan sarjana mengenai peranan nilai-nilai Islam dalam pembinaan identiti Melayu dan pemikiran Melayu. Ini kerana perhatian sarjana Melayu terhadap kedudukan masyarakat Melayu-Islam begitu serius (al-Attas 1974; Mahathir Mohamed 1982; Senu 2002). Keadaan ini berlaku justeru masyarakat Melayu masih ketinggalan dalam banyak aspek jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain di Malaysia. Seperti yang ditegaskan, bahawa apabila membincangkan isu pemikiran dan masa depan umat Melayu, maka tidak dapat tidak, aspek Islam merupakan perkara penting yang perlu digarap bersama.

Dalam hubungan ini, Syed Sheikh al-Hadi mungkin boleh dianggap sebagai pencetus dan pengkritik awal terhadap sikap dan pemikiran masyarakat Melayu. Beliau yang merupakan seorang tokoh ulama dan pemikir Muslim ketika itu begitu kritikal terhadap persoalan-persoalan yang menyangkut mengenai pem-

bangunan masyarakat Melayu. Antara isu yang menarik perhatian beliau adalah persoalan keterbukaan minda Melayu, kedudukan wanita Melayu dan persoalan kemajuan pendidikan Melayu. Untuk menggerakkan minda Melayu khususnya kalangan wanita, beliau telah menterjemahkan beberapa buah buku yang ditulis oleh penulis Mesir ketika itu agar dapat dibaca oleh kalangan pembaca Melayu di Tanah Melayu ketika itu. Fokus utama berhubung dengan wanita adalah agar golongan ini diberi peluang yang seluas-luasnya supaya mereka dapat bersaing sebagaimana wanita-wanita lain. Malah beliau turut mengkritik kalangan ulama Melayu ketika itu yang dilihat sebagai kurang mengemukakan pemikiran Melayu khususnya dalam membina serta membangun masyarakat Melayu. Ulama keli-hatan masih mengekalkan corak pemikiran yang tidak relevan dengan keperluan semasa (al-Imam 1906; Hussin Mutualib 1993) Antaranya ketidaksediaan ulama untuk membawa ilmu-ilmu baru selain ilmu-ilmu fardhu ain. Atas alasan ilmu-ilmu selain ilmu fardhu ain tidak mendatangkan banyak faedah.

Dengan nada yang sama muncul pula Za'ba yang terkenal sebagai tokoh bahasa dan intelek Melayu turut mengkritik Melayu agar lebih bersedia menerima pembaharuan dan membuang sikap-sikap lama yang dianggap sebagai mengham-bat kemajuan Melayu. Antaranya pemikiran malas Melayu yang masih berpegang kepada konsep "nasi secupak tidak menjadi segantang". Dalam ulasannya men-genai tahap pemikiran Melayu yang dianggap sebagai mundur, umumnya men-jurus kepada persoalan suka berpegang kepada pemikiran lama, tidak bersedia untuk mempelajari sesuatu yang baru, tidak bersungguh-sungguh dalam membuat sesuatu kerja. Sikap sebegini dilihat oleh Za'ba sebagai menjelaskan kedudukan Melayu sebagai sebuah etnik atau bangsa. Malah beliau mendakwa corak penga-jaran pengetahuan Islam di kalangan masyarakat Melayu juga tidak membantu peningkatan minda masyarakat. Atas pemikirannya yang kritikal khususnya ter-hadap masyarakat Melayu maka beliau telah dianggap sebagai pemikir reformis meskipun tidak tergolong sebagai pengikut atau kumpulan reformis (Hussin Mu-talib 1993).

Permasalahan masyarakat Melayu bukan sahaja menarik perhatian pemikir terdahulu malah sekitar awal 1970-an juga menjadi fokus perbincangan para pemikir. Ini jelas apabila terbitnya buku "*Revolusi Mental*" yang disusun oleh Senu Abdul Rahman dan rakan-rakan. Tujuan utama buku ini adalah untuk mem-bahaskan kelemahan orang Melayu khususnya aspek minda. Perbincangan buku ini berkisar tentang permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dan cuba mengemukakan gagasan atau pendekatan bagaimana masalah ini dapat diatasi. Agenda utama buku ini adalah untuk menarik perhatian orang Melayu terhadap kekuatan Barat hingga mampu menakluki Dunia. Gagasan utama buku ini adalah untuk menggesa Melayu agar bersedia menerima dan mengikut rentak bangsa-bangsa Eropah yang didakwa terbukti mengeluarkan masyarakat Barat dari dunia kegelapan kepada dunia moden. Perubahan ini tidak berlaku secara spontan, akan tetapi bertolak dari perubahan minda dan sikap serta pandangan

hidup. Ini jelas daripada kenyataan berikut: (Senu Abdul Rahman 2002: xiii)

Sekiranya perubahan benar-benar mahu dilaksanakan, maka perubahan itu hendaklah berupa perubahan cara pemikiran orang Melayu kerana perubahan cara pemikiran inilah sahaja yang akan dapat melahirkan perubahan lain yang dikehendaki dalam masyarakat Melayu seluruhnya, dan yang sesuai dengan keadaan yang ada di sekeliling kita pada hari ini.

Menurut pengarang “*Revolusi Mental*”, adalah tidak tepat mengatakan kegagalan orang Melayu adalah disebabkan faktor keturunan atau baka. Ini kerana dakwaan penulis ini, sejarah telah membuktikan munculnya kalangan pemimpin dunia, pentadbir atau ahli politik yang berasal dari kalangan generasi yang tidak ternama. Akan tetapi yang menentukan kejayaan dalam konteks masyarakat seperti di Malaysia adalah peluang dan kesempatan bagi masyarakat Melayu khususnya untuk memperolehi tahap pendidikan yang sempurna. Hanya dengan pendidikan sahaja maka kedudukan orang Melayu mampu untuk berubah dan dipertingkatkan (Senu Abdul Rahman 2002).

Secara positif, penulis “*Revolusi Mental*” berkeyakinan bahawa masyarakat Melayu adalah masyarakat yang dinamik. Mereka mampu menerima sesuatu yang baru dan membuat perubahan demi masa depan dan kehidupan yang lebih baik. Dari aspek agama umpamanya, masyarakat Melayu telah melakukan perubahan dari berfahaman pagan kepada Hindu dan kemudiannya kepada Islam (Senu Abdul Rahman 2002). Perubahan ini menandakan masyarakat Melayu memiliki tahap keyakinan yang tinggi khususnya dalam konteks untuk mencapai perubahan yang lebih baik daripada apa yang sedia ada.

Kemudiannya muncul pula buku “*The Malay Dilemma*” yang diterbitkan pada tahun 1970, turut mengulas permasalahan orang Melayu. Melalui buku ini yang dianggap kontroversi ketika itu. Pengarang buku tersebut, Dr. Mahathir Mohamad (selepas ini disebut Dr. Mahathir) melihat pembinaan masyarakat Melayu perlu bermula dari aspek pemikiran, pendidikan dan pembinaan sikap baru (Mahathir Mohamad 1982). Dengan nada yang agak keras, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa generasi Melayu sebenarnya tidak jauh beza seperti bangsa-bangsa lain. Mereka berupaya untuk maju setanding dengan bangsa-bangsa lain, asal sahaja mereka berubah sikap daripada berpada dengan apa yang ada kepada keinginan yang tinggi demi merubah keadaan. Sepintas lalu, pendekatan Dr. Mahathir kelihatan tidak jauh beza dengan apa yang pernah disentuh oleh al-Hadi dan Za’ba khususnya dari sudut perubahan sikap. Malah untuk memperkuuh hujah beliau, Dr. Mahathir turut memetik beberapa ayat al-Qur'an khasnya ayat-ayat yang menggesa agar umat Islam membuat beberapa perubahan.

Atas sifat untuk merubah minda dan corak kehidupan masyarakat Melayu, Dr. Mahathir membuat gesaan agar “...membandarkan orang-orang Melayu”

(Mahathir Mohamad 1982). Ini kerana menurut beliau kehidupan di bandar dapat mendedahkan masyarakat Melayu kepada satu sistem kehidupan yang selesa dan terancang, skop interaksi sosial mereka juga akan meluas dan tidak terbatas hanya di kalangan orang-orang Melayu tetapi juga mereka akan berpeluang berkomunikasi dengan masyarakat bukan Melayu khususnya orang Cina (Mahathir Mohamad 1982). Ini memberi gambaran bahawa identiti dan pemikiran masyarakat Melayu mampu dirubah sekiranya persekitaran yang baik membantu ke arah peningkatan tahap kehidupan mereka.

Pada umumnya pemikir Melayu menekankan tumpuan kepada perubahan minda Melayu agar lebih terbuka dan mempunyai daya tahan yang kuat dalam menghadapi arus perubahan semasa. Mereka bersetuju bahawa untuk merubah dan membina kekuatan Melayu, maka paradigma baru perlu diprogramkan agar masyarakat Melayu mempunyai daya saing yang tinggi. Dalam hubungan ini, al-Hadi yang percaya Islam bukannya menentang pembaharuan tetapi cara pentafsiran para penyampai ajaran Islam dan sikap Melayu dalam memahami konteks ayat, yang menjadi penghalang utama kepada kemajuan. Sementara Senu pula percaya bahawa pendekatan Barat tidak salah, malah perlu diikuti jika Melayu inginkan kemajuan. Sebaliknya Za'ba cuba mendamaikan antara nilai Melayu dengan nilai keislaman yang menurut beliau jika digabungkan dengan baik mampu membina satu karakter Melayu baru. Berbeza dengan Mahathir yang mendakwa bahawa elemen pembawaan Melayu seharusnya menjadi penentu dalam membawa perubahan.

Era sekitar 80-an hingga kini, kecenderungan penulis yang membahaskan persoalan identiti Melayu-Islam secara lebih "Islamik" telah dibuat. Ini kerana kecenderungan masyarakat Melayu, khususnya generasi terpelajar untuk melakukan perubahan terhadap diri dan masyarakat agar lebih seiring dengan ajaran-ajaran Islam. Fenomena "*Islamic resurgence*" atau literalnya kebangkitan Islam adalah merupakan satu proses "...to adjust to what is perceived as Islamic behaviour, to adhere to certain Islamic attitudes and practices and to advance an Islamic world-view" (Chandra Muzaffar 1986). Dengan itu kebanyakan perbincangan sama ada dalam bentuk kritikan mahupun dari sudut pembinaan kelihan menekankan kepada Islam sebagai teras pembinaan umat Islam. Mohd. Kamal Hassan umpamanya merumuskan bentuk-bentuk krisis tersebut seperti berikut (1981):

- i. Kelompok yang terlibat dalam gerakan dakwah dilihat sebagai agak terasing dari kelompok masyarakat Melayu semasa ketika itu. Ditambah pula dengan corak penampilan kumpulan ini yang ternyata berbeza dengan kelaziman masyarakat Melayu. Malah kelompok turut mengkritik beberapa aspek polisi pemerintah. Suasana ini menyebabkan golongan ini disebut sebagai "dakwah songsang".

- ii. Golongan yang mendokong kebangkitan Islam membuat gesaan agar sistem pendidikan yang sedia ada perlu disemak semula agar ia lebih bersifat “Islamik”. Sistem integrasi yang menggabungkan antara elemen Islam dan semasa wajar dijadikan sebagai teras kepada pembinaan identiti Melayu-Islam di Malaysia.
- iii. Budaya Melayu yang diamalkan ketika itu dilihat sebagai bercanggah dengan Islam justeru perlu kepada rekonstruksi budaya agar lebih serasi dengan nilai-nilai Islam. Dengan demikian pada ketika itu wujudnya program “Sastera Islam” yang bertujuan utama untuk membentuk budaya Islam di kalangan masyarakat Melayu.
- iv. Dalam aspek ekonomi, kalangan pendokong gerakan Islam mengkritik amalan sistem ekonomi yang masih terikat dengan sistem riba. Gesaan dibuat agar sistem ekonomi Islam diperkenalkan supaya masyarakat lebih memahami sistem ekonomi Islam. Secara tidak langsung sebagai satu alternatif kepada sistem konvensional Barat yang sedang diamalkan kini.
- v. Dalam konteks politik, perlembagaan Malaysia mula dipersoalkan meskipun Islam dinyatakan sebagai agama rasmi negara namun dikatakan bahawa sistem yang berjalan tidak selari dengan Islam. Justeru, tuntutan kepada perlaksanaan syariah sepenuhnya menjadi fokus pendokong arus kebangkitan Islam.

PENDEKATAN ISLAM HADHARI DALAM KONTEKS PEMBINAAN MELAYU

Secara umumnya pendekatan Islam Hadhari kelihatan merujuk kepada pembangunan manusia secara total. Ini ditegaskan sebagai tonggak utama kepada pembinaan Malaysia yang sedang membangun. Dari satu sudut, perbincangan mengenai Islam dalam kehidupan Melayu sepatutnya memberi kekuatan kepada masyarakat Melayu, justeru pendekatan sebegini lebih merupakan semacam proses “*check and balance*”. Ini juga bertepatan dengan pendekatan Islam yang menyarankan agar umat manusia hendaklah saling nasihat menasihati demi kebaikan.

Berasaskan konteks tersebut, jika Pendekatan Islam Hadhari dilihat sebagai satu bentuk program menyedarkan masyarakat Melayu mengenai keupayaan Islam untuk membawa kemajuan, maka sewajarnya perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan ilmu pengetahuan, pengukuhan identiti Melayu Islam dan penjanaan Islam dalam bentuk amali perlulah menjadi agenda utama. Dengan demikian beberapa perkara perlu diberi penekanan dalam aspek perlaksanaan Pendekatan Islam Hadhari.

i.

Mengangkat martabat umat Melayu

Islam Hadhari adalah satu pendekatan bagi memartabatkan masyarakat Melayu ke arah yang lebih baik. Malah terdapat yang menganggap bahawa istilah yang digunakan ini lebih menyeluruh atau syumul justeru sasarnya menjurus kepada segenap aspek kehidupan (Salleh Mohd Yusof 2004). Usaha memartabatkan masyarakat Melayu tidak dapat tidak, perlu bertolak dari kekuatan Islam yang luhur dan sempurna. Umat Melayu wajar memiliki satu bentuk personaliti yang baik dari sudut peribadi, mental dan tindakan. Ini penting bukan sahaja dalam konteks masyarakat Melayu tetapi juga masyarakat Malaysia seluruhnya. Seperti yang pernah dinyatakan oleh Abdul Hamid Abu Sulayman 1993 bahawa “...*the future of all bewildered and threatened humanity rest on the degree of success achieved by Muslims in presenting a living example of Islamic teachings*”.

Seandainya masyarakat Melayu dapat memperkasa watak dan pola kehidupan maka kemungkinan segala agenda Islam dapat diterima dengan mudah oleh masyarakat lain. Justeru pendekatan dalam gagasan Islam Hadhari seharusnya memfokuskan kepada dua kelompok utama, iaitu Muslim dan bukan Muslim. Ini kerana kedua-dua golongan ini merupakan sasaran dalam mana-mana program kerajaan. Dalam keghairahan menjana kekuatan umat Islam, golongan bukan Melayu juga perlu diberi kefahaman mengenai Islam dengan maksud untuk memastikan agar kehidupan dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia ini sentiasa berlaku dalam suasana yang harmoni.

ii.

Menghapus kekeliruan umat

Islam Hadhari juga dilihat sebagai satu pendekatan bagi membetulkan persepsi sebahagian masyarakat yang masih menganggap bahawa segala kemajuan dan pembangunan sebagai sesuatu yang bercanggah dengan Islam (Salleh Mohd Yusof 2004). Aspek kekeliruan ini telah dibincangkan oleh banyak pemikir Muslim di Malaysia sehingga dilihat sebagai mencetuskan semacam “krisis identiti” khususnya di kalangan masyarakat Melayu (Mohd. Kamal Hassan 1981). Punca utamanya adalah kerana kekurangan ilmu pengetahuan mengenai Islam yang berdasas kepada sumber al-Qur'an dan al-Sunnah. Ini ditambah pula tafsiran berhubung dengan Islam oleh kebanyakan tokoh-tokoh Muslim di Malaysia banyak dipengaruhi oleh kepentingan kelompok atau puak. Apabila ini berlaku maka sudah tentu akan menimbulkan kekeliruan bukan sahaja di kalangan umat Islam malah kepada yang bukan Islam.

Oleh yang demikian, terdapat suara-suara kebimbangan bahawa Pendekatan Islam Hadhari adalah lebih kepada satu bentuk “gimik” untuk melaksanakan program keislaman. Sebagai sesuatu program yang baru sememangnya akan sentiasa berdepan dengan kritikan dan pandangan sinis daripada kalangan peinentang mahupun pendokong. Namun “gimik” tersebut akhirnya akan terhapus

jika program yang dirancang dalam konteks Pendekatan Islam Hadhari benar-benar memperlihatkan keberkesanannya khusus dalam aspek kefahaman Islam dan pelaksanaan program Islam.

iii.

Berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah

Kebanyakan kritikan terhadap Pendekatan Islam Hadhari adalah menyentuh pada teras pembinaan gagasan. Memang tidak dapat menafikan bahawa ungkapan Islam Hadhari merupakan cetusan pemikiran, namun asas pembinaan kerangka teori untuk diterjemahkan dalam bentuk *modus operandi* hendaklah berasas kepada prinsip-prinsip yang dijelaskan dalam al-Qur'an dan as-Sunnah. Ini kerana bagaimana indahnya suatu slogan itu tetapi jika perlaksanaannya tidak mendukung tuntutan al-Qur'an dan as-Sunnah, maka ia seolah-olah menentang prinsip asas tersebut.

Ini kerana dalam usaha membina tamadun Melayu yang tidak boleh dipisahkan dengan Islam, seharusnya jati diri Melayu diperkasakan dengan nilai-nilai Islam. Gesaan dan pandangan sebegini telah dinyatakan oleh ramai peneliti sosial baik daripada kalangan penyelidik mahupun ahli politik. Untuk itu segala kelemahan-kelemahan dalam program penerapan nilai-nilai Islam lalu perlu diteliti dan diperbaiki seterusnya dipertingkatkan tahap penghayatan dan kefahaman umat Melayu mengenai Islam. Penelitian harus dibuat untuk menentukan sejauhmanakah kefahaman masyarakat Melayu mengenai Islam dan nilai-nilainya dalam konteks kehidupan semasa sekarang. Ini untuk memastikan agar gagasan dan perancangan yang terkandung dalam *modus operandi* Islam Hadhari benar-benar menepati ajaran Islam dan dihayati oleh masyarakat Melayu khususnya dan masyarakat Malaysia amnya.

Perbincangan mengenai kandungan dan inti pati dalam al-Qur'an dan al-Sunnah tidak seharusnya berpusat pada persoalan hal-hal yang bersifat menguntungkan kehidupan dunia, sehingga mengabaikan aspek pembinaan diri manusia yang mempunyai elemen zahir dan batin. Konsep *amar maaruf* dan *nahi munkar* hendaklah menjadi tonggak kepada pembinaan masyarakat Melayu. Manakala masyarakat Melayu perlu dididik agar tidak mudah melenting apabila ditegur atau dikritik. Dalam perkataan lain, masyarakat Melayu hendaklah bersikap berlapang dada dan bersedia untuk berbincang dengan mana-mana pihak meskipun pandangannya mungkin berbeza. Ini kerana tidak semua kritikan itu semata-mata bersifat untuk menjatuhkan, tetapi jika diamati dengan baik terdapat juga kritikan yang dapat membantu dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

iv.

Pembentukan budaya ilmu dan kreatif

Tidak dapat dinafikan bahawa pembentukan perilaku individu dan masyarakat adalah berasas kepada pembinaan ilmu. Melalui proses ini akan terbentuk bu-

daya atau tamadun sesuatu bangsa. Atas asas tersebutlah Naquib al-Attas, ketika membincangkan konsep pengertian ilmu menjelaskan bahawa ia merujuk kepada Allah sebagai asal segala ilmu. Sementara ilmu merupakan ketibaan makna sesuatu ke dalam diri seseorang (Wan Mohd Nor Wan Daud 1991). Ini bererti bahawa dalam Islam aspek mengenali Allah SWT merupakan pra-syarat kepada pembinaan tamadun ilmu. Justeru pembinaan tamadun adalah bertolak dari asas keilmuan.

Untuk itu dalam hubungan masyarakat Islam di Malaysia dengan perancangan Pendekatan Islam Hadhari, persoalan ini seharusnya menjadi agenda utama. Secara umumnya budaya ilmu dapat dimaksudkan sebagai usaha berterusan dalam pengkajian ilmu dengan meneroka bidang-bidang ilmu. Banyak sudah diperkatakan mengenai kelemahan umat Islam dalam bidang keilmuan dan penyelidikan. Tidak terkecuali budaya kurang membaca dan meneroka bidang-bidang baru turut dialami oleh kalangan masyarakat Melayu. Cabaran ini merupakan perkara utama yang seharusnya menjadi salah satu isu dan perancangan dalam gagasan Islam Hadhari.

Salah satu elemen yang dapat membentuk budaya harmonis agar mencapai maksud pembentukan masyarakat yang baik adalah pelaksanaan konsep *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*. Pelaksanaan konsep ini dalam masyarakat merupakan teras dalam syiar Islam. Secara umumnya *amar ma'ruf* dapat dikategorikan kepada tiga bentuk, iaitu (al-Zuhaili 1989):

- i. Perkara-perkara yang bersangkutan dengan Allah SWT semata-mata, umpamanya perlaksanaan syiar Islam seperti azan, solat Jumaat, teguran kepada mereka yang meninggalkan sembahyang atau ibadat puasa termasuk mereka yang sering melengah-lengahkan sembahyang tanpa uzur syarie.
- ii. Perkara-perkara yang bersangkutan dengan hamba seperti yang berkaitan dengan kepentingan umum seperti air, masjid atau jalan raya. Mereka yang bertanggungjawab hendaklah sentiasa mengawasi keadaannya. Dalam konteks ini *amar ma'rufnya* termasuk mengawasi mereka yang sering melengah-lengahkan pembayaran hutang atau yang melibatkan hak orang lain.
- iii. Perkara-perkara yang berkaitan dengan hak Allah SWT dan hak hamba, umpamanya permintaan si wali untuk mengahwini janda. Demikian juga petugas perlu umpamanya mengawasi para penternak agar mengawal ternakannya agar tidak mengganggu hak-hak orang lain.

Berdasarkan kepada kenyataan al-Zuhaili itu menggambarkan bahawa pelaksanaan *amar ma'ruf* mempunyai implikasi besar terhadap kesejahteraan masyarakat keseluruhannya samada orang Islam atau bukan Islam. Seperti yang dijelaskan dalam konteks Islam *amar ma'ruf* perlu disertakan dengan penguatkuasaan *nahi munkar* atau elemen salah laku yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Se-

cara umumnya perkara-perkara yang melibatkan *nahi munkar* dapat dikategorikan kepada pecahan berikut (Rusjdi Ali Muhammad 2003):

- i. Dalam soal ibadat yang mana perlu diawasi agar masyarakat tidak melanggar perintah Allah SWT. Termasuk dalam konteks ini melarang golongan yang jahil daripada mengeluarkan fatwa mengenai perkara syariat kepada masyarakat.
- ii. Dalam perkara-perkara yang terlarang yang boleh membawa kehidupan masyarakat kepada tidak harmonis. Umpamanya perlu ditegah daripada terlalu bebas pergaulan antara lelaki dan wanita baik di dalam kawasan masjid apatah lagi di tempat-tempat umum. Demikian juga perlu dibanteras kalangan peminum arak agar tidak timbul permasalahan dalam masyarakat.
- iii. Demikian juga dengan urusan jual beli atau transaksi yang melibatkan penipuan serta riba perlu dibanteras.

Dengan itu, perkara pembinaan masyarakat ini tidak dapat tidak, melibatkan dua elemen di atas iaitu aspek penggalakan kepada kebaikan atau *amar ma'ruf* dan aspek pencegahan atau *nahi munkar*. Konsep ini perlu menjadi teras kepada perlaksanaan Pendekatan Islam Hadhari. Malah konsep *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* ini perlu sentiasa diprogramkan agar masyarakat sentiasa sedar dan berhati-hati dalam segala tindakan sehari-hari.

Sesuai dengan ungkapan Hadhari yang juga boleh diertikan sebagai kebudayaan dan tamadun, maka seharusnya pembinaan tamadun ini berasas kepada kekuatan ilmu. Ini kerana sejarah kegemilangan Islam merakamkan bahawa ia berdasas kepada ilmu. Untuk itu dalam rangka menjelaki kegemilangan Islam silam yang disesuaikan dengan budaya Malaysia, maka ketinggian ilmu perlu bertolak daripada faktor berikut (Jaffary Awang 2004):

- i. Pendedahan ilmu pengetahuan yang bertaraf dunia bermula semenjak di peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi.
- ii. Memanfaatkan pengetahuan teknologi maklumat sejarah dengan identiti masyarakat Malaysia.
- iii. Kepimpinan yang terbuka dan sentiasa bersedia untuk berbincang dalam semua keadaan tanpa mengira latar belakang.

Persoalan budaya ilmu yang berasas kepada iklim perbincangan dan kesedian pemimpin masyarakat di semua peringkat untuk terlibat secara aktif pernah dikemukakan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud. Menurut beliau, (Wan Mohd Nor Wan Daud 1991):

Para pemimpin masyarakat dari tahap paling atas ke tahap paling rendah hendaklah mengadakan perbincangan ilmiah tentang berbagai-bagai isu seperti agama, politik, ekonomi, akhlak, falsafah, sains... dalam suasana yang tidak rasmi tetapi bermakna.

Tidak dinafikan bahawa kewibawaan dan ketinggian akal budi sesebuah masyarakat bergantung kepada sejauh mana pembacaan mereka mengenai bidang-bidang yang bermutu. Sokongan pembaca terhadap bahan-bahan bermutu juga menentukan bertambahnya penulisan karya tinggi dari kalangan penulis. Ini bererti antara peningkatan bacaan dengan buku-buku atau bahan-bahan bertulis mempunyai perkaitan antara satu dengan yang lain. Daripada statistik seperti jadual di bawah menunjukkan tabiat membaca di kalangan masyarakat Malaysia masih rendah.

Pecahan peratus bahan bacaan pilihan rakyat Malaysia	
Bahan bacaan	Peratus
Akhbar	79
Majalah	47
Buku	52
Komik	32

(Sumber Berita Harian 4 Mei 2005)

Ini menggambarkan antara aspek penting yang perlu diberi tumpuan dalam menjana agenda Islam Hadhari. Usaha dan perancangan berterusan wajar dilakukan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat, khususnya masyarakat Islam mengenai pentingnya menghidupkan amalan budaya baca. Oleh yang demikian peneliti sosial menyarankan agar budaya ilmu perlu diperkasakan dalam bentuk penghasilan buku-buku dan majalah yang bermutu di samping aspek penguatkuasaan yang lebih baik terhadap bahan-bahan bacaan yang boleh menjelaskan nilai dan akal budi remaja (Wan Mohd Nor Wan Daud 1991). Penglibatan seluruh masyarakat terhadap aspek pembudayaan ilmu amatlah penting. Ini kerana fenomena sosial dalam sesebuah masyarakat akan saling mempengaruhi antara satu elemen dengan elemen yang lain (Rokiah Haji Ismail 1995).

Gagasan ini masih bersifat retorik khususnya di kalangan para pendokong. Bahan-bahan yang diterbitkan sekadar menjawab kekeliruan terhadap pendekatan Islam Hadhari. Malah jika dibandingkan dengan terbitan semasa pengenalan penerapan nilai-nilai Islam pada tahun 1982, kelihatannya tidak jauh berbeza. Aspek yang sering dihujahkan adalah kedapatan segelintir masyarakat Islam yang menolak pembangunan justeru itu perlunya penjelasan lanjut.

v.

Membina akhlak masyarakat

Persoalan yang sedang melanda masyarakat kini, khususnya umat Islam adalah kerendahan nilai akhlak. Dalam konteks Malaysia sering disajikan pelbagai salah-laku masyarakat bermula dari peringkat dewasa hingga kepada peringkat kanak-kanak. Ini memerlukan usaha yang berterusan daripada semua pihak dalam membentuk akhlak dan unsur-unsur yang boleh meruntuhkan tingkah laku masyarakat. Banyak data dan pengkajian yang telah dilakukan oleh kalangan pengkaji, namun fenomena keruntuhan akhlak masih menjadi-jadi (Rokiah Haji Ismail 1995).

Salah satu elemen yang sentiasa mendapat perhatian umum dalam konteks wacana Islam Hadhari adalah budaya hedonism. Faktor ini bukan sahaja membantu perlaksanaan agenda yang digariskan dalam Islam Hadhari, malah menyebabkan akhlak muda-mudi menjadi semakin parah. Sejarah mencatatkan bagaimana satu tamadun manusia yang gemilang jika tidak disertai dengan akhlak yang baik, lambat laun akan melalui zaman-zaman keruntuhan.

Di samping itu percambahan buku-buku yang bersifat picisan sebenarnya tidak membantu ke arah peningkatan akhlak. Malah bahan-bahan ini juga tidak membantu tahap pemikiran golongan muda-mudi. Dengan itu usaha yang lebih tegas perlu dalam menangani isu ini. Berkaitan dengan isu ini pihak masyarakat perlu turut terlibat dalam menangani gejala-gejala sosial.

vi.

Meningkatkan dialog dan perbincangan

Dialog atau perbincangan merupakan salah satu kaedah terbaik dalam memastikan program Pendekatan Islam Hadhari mencapai maksud. Perbincangan tidak seharusnya dibataskan kepada pihak-pihak tertentu sahaja. Malah apa jua kritikan yang ditujukan kepada program ini perlu diberi perhatian. Secara umumnya kritikan tersebut adalah merujuk kepada kegagalan pihak kerajaan memberi maklumat secara berterusan. Dalam memberi penjelasan berhubung dengan program Islam hadhari, agensi-agensi yang terlibat seharusnya mengelak daripada berlakunya pertindihan antara satu dengan yang lain. Sebaliknya agensi yang terlibat seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia atau Institut Kefahaman Malaysia seharusnya menjadi pelengkap antara satu dengan yang lain dalam menjelaskan gagasan Islam Hadhari kepada masyarakat.

Pertindihan ini berlaku justeru pada peringkat awal gagasan ini hanya lebih bersifat retorik. Bahan-bahan terbitan yang dikeluarkan sekadar menjawab kekeliruan yang timbul di kalangan masyarakat. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa tidak jauh beza Pendekatan Islam Hadhari dengan program penerapan nilai-nilai Islam yang telah diperkenalkan pada tahun 1982. Ke nyataan yang menganggap keperluan program berorientasikan Islam seperti Islam Hadhari atau Penerapan Nilai-Nilai Islam dilaksanakan kerana terdapatnya

segelintir masyarakat di Malaysia yang didakwa sebagai menolak arus pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan barangkali tidak lagi menarik perhatian khalayak umum. Akan tetapi masyarakat Malaysia kini memerlukan jawapan yang berasaskan kepada fakta bagi meyakinkan mereka terhadap kewajaran sesuatu program yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Malah sikap ini adalah serasi dengan hasrat kerajaan yang ingin melahirkan masyarakat Malaysia yang mempunyai minda “kelas pertama”.

Kewujudan segelintir masyarakat sebegini juga justeru kegagalan pihak bertanggungjawab untuk memberi jawapan yang memuaskan terhadap golongan yang skeptik terhadap Pendekatan Islam Hadhari. Ini kerana terdapat yang beranggapan bahawa pengenalan gagasan ini seolah-olah memberi gambaran yang sistem pendidikan kini gagal untuk membentuk minda yang baik di kalangan masyarakat. Sedangkan para sarjana Muslim berkeyakinan bahawa sistem pendidikan yang bersepada antara nilai Islam dan aspek kehidupan semasa mampu untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai minda yang terbaik. Bermula dari gagasan integrasi ilmu hingga kepada penubuhan Universiti Islam Antarabangsa bukan sahaja di Malaysia malah di kebanyakan negara umat Islam.

Demikian juga berhubung dengan aspek perundungan yang sering mendapat kritikan daripada pihak Parti Islam SeMalaysia atau PAS, kelihatannya pihak pemerintah masih kabur dalam memberi jawapan yang meyakinkan. Dalam konteks Islam Hadhari, umpamanya, sejauh mana kedudukan undang-undang Islam berupaya menjadi pemangkin kepada pembangunan umat Islam dan masyarakat Malaysia seluruhnya (Abdul Hadi Awang 2005). Atau mungkin isu perundungan Islam ini sengaja diketepikan semata-mata untuk mengelak dari berlakunya polemik di kalangan rakyat Malaysia. Ini bererti pihak kerajaan wajar memberi penjelasan yang konkret dan memuaskan agar isu-isu ini yang pernah ditimbulkan sekitar 1970-an dan 1980-an terjawab dan pembangunan umat Islam akan terus berlaku.

Oleh kerana gagasan ini tidak lebih sebagai satu program bertindak kerajaan, maka ia perlu kepada “*time-frame*” bagi menentukan tahap-tahap perlaksanaan dan pencapaiannya. Perlu diadakan kriteria pengukurnya sama ada dari sudut kefahaman, perlaksanaan, hambatan maupun pencapaiannya. Jika ini dapat dilaksanakan, sekurang-kurangnya skeptik pihak-pihak tertentu terhadap konsep Islam Hadhari ini akan terjawab. Sementara dari sudut pembentukan identiti Islam di kalangan masyarakat Malaysia, seharusnya Pendekatan Islam Hadhari dapat memberi kesan kepada dua aspek iaitu, pertama, dapat meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai Islam dan kedua, menghapuskan salah tanggapan masyarakat bukan Islam di Malaysia mengenai Islam.

KESIMPULAN

Pendekatan Islam Hadhari menuntut kesungguhan dan keikhlasan daripada semua pihak. Asas pembinaan perlu jelas dan bertolak dari sumber yang mantap. Kefahaman masyarakat perlu dijana dengan asas kefahtaman Islam yang sebenar di samping membudayakan sikap berlapang dada dalam menerima panda-nangan sama ada yang memihak mahupun yang agak kritikal. Pada waktu yang sama cabaran-cabaran yang bersifat semasa seperti gejala sosial di kalangan remaja, tahap kefahtaman dan penghayatan Islam masyarakat, budaya yang bercanggah dengan Islam dan tahap pembacaan bahan-bahan bermutu di kalangan masyarakat perlu ditangani secara berhikmah dan memerlukan komitmen yang tinggi dari semua pihak.

Yang lebih penting gagasan ini janganlah dipandang sekadar satu retorik tanpa terjemahan yang konkret dan berkesan. Sekurang-kurangnya dalam tempoh terdekat masyarakat dapat menilai keberkesanan gagasan ini dalam usaha meningkatkan kehidupan dalam segenap aspek. Segala kelemahan dari aspek perlaksanaan program Islamisasi yang lalu perlu dijadikan panduan seterusnya membuat pembaharuan berasas kepada pengalaman lalu.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Awang. 2005. *Hadharah Islamiyyah bukan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Nuffair Street Sdn Bhd.
- Abdul Hamid Abu Sulayman. 1993. *Towards an Islamic Theory of International Relations: New Directions for Methodology and Thought*. Herdon, Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- Ackerman, S.E. & Lee L.M. 1990. *Heaven in Transition:Non-Muslim Religious Innovation and Ethnic Identity in Malaysia*. Kuala Lumpur: Forum.
- al-Imam. 1906. July 23.
- al-Attas, Syed Hussein. 1974. *Siapa Yang Salah: Sekitar Revolusi Mental dan Peribadi Melayu*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Banks, D. J. 1976. Islam and inheritance in Malaya: culture conflict or Islamic revolution?. *American Ethnologist*. 3(4). hlm. 573-585.
- Berita Harian. 2005. 4 Mei.
- Chaiwat, S.A. 2005. The Life of this World: Negotiated Muslim Lives in Thai Society. Singapore: Marshall Cavendish Academic.
- Chandra Muzaffar. 1986. Islamic Resurgence: Global View. Dlm. Taufik Abdullah & Sharon Siddique (pnyt.). *Islam and Society in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Husin Mutalib. 1993. *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State?*. Singapore: Singapore University Press.
- Husin Mutalib. 1994. Islamisation in Malaysia: Between Ideals and Realities. Dlm. Husin

- Mutalib & Taj ul-Islam Hashmi (pnyt.). *Islam, Muslims and Modern State*. London: The MacMillan Press Ltd.
- Jaffary Awang. 2004. Ilmu Sebagai Pra-Syarat Dalam Memperkuuhkan Identiti Melayu-Islam di Era Globalisasi. Dlm. Siti Zaiton Mat So'ad et. al. (pnyt.). *Prosiding Seminar Kebangsaan Sains Teknologi & Sains Sosial*.
- Kessler, C. S. 1980. Malaysia: Islamic Revivalism and Political Disaffection in a Divided Society. *Southeast Asia Chronicle*. (2). hlm. 3-11.
- Mahathir Mohamad. 1982. *Dilema Melayu*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Milne, A.C., 1993. Islamic Debate in the Public Sphere. Dlm. Anthony Reid (pnyt.). *The Making of an Islamic Political Discourse in Southeast Asia*. Monash: Monash Papers on Southeast Asia.
- Means, G. P. 1969. *The Role of Islam in the Political Development of Malaysia. Comparative Politics*. (2): hlm. 265-284.
- Mohd Kamal Hassan. 1981. Islamic Identity Crisis in the Muslim Community in Contemporary Malaysia. *Readings in Islam*. (11). hlm. 44-50.
- Nagata, J. 1984. *The Reflowering Of Malaysia Islam: Modern Religious Radicals And Their Roots*. Vancouver: University of British Columbia Press.
- Norhashimah Mohd. Yasin. 1994. Islamisation or Malaynisation? A Study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia: 1969-1993. Tesis Ph.D. School of Law. University of Warwick. England.
- Regan, D. 1991. Islam as a New Religious Movement in Malaysia. Dlm. James A. Beckford & Thomas Luckmann. *The Changing Face of Religion*. London: SAGE Publications Ltd.
- Rokiah Haji Ismail. 1995. Perilaku Non-konformis Golongan Remaja Malaysia: Satu Perenungan sosiologikal. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*. Vol.22: hlm. 73-96.
- Rusjdi Ali Muhammad. 2003. *Revitalisasi Syari'at Islam di Aceh: Problem, Solusi dan Implementasi – Menuju Pelaksanaan Hukum Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*. Jakarta. Ciputat: Penerbit Logos Wacana Ilmu.
- Salleh Mohd Yusof. 2004. *Islam Hadhari Perjuangan Menjadikan Malaysia Sebuah Negara Islam maju, Progresif dan Moderat*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia.
- Senu Abdul Rahman. 2002. *Revolusi Mental. Edisi baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Utusan Melayu. 1984. 26 & 27 Oktober.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1991. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- al-Zuhaili. 1989. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh. Juz IV*. Damsyik: Dar al-Fikr.